

IKLAN

**JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**TAWARAN UNTUK MEMAJUKAN TAPAK-TAPAK BAGI PERUSAHAAN PERTANIAN
KOMERSIAL DI KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP)
BILANGAN : 04/2021**

TAWARAN bagi mempelawa pengusaha-pengusaha untuk menghadapi permohonan bagi menyewa di Kawasan Kemajuan Pertanian seperti berikut :-

TAPAK PERTANIAN :-

- 1) Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) Lot Sengkuang, Kg Rampayoh, Mukim Labi, Daerah Belait
(Bagi menjalankan perusahaan pertanian khususnya perkhidmatan pengeringan Padi)

Borang-borang permohonan boleh didapati di Ibu Pejabat, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jalan Muhibbah, Lapangan Terbang Lama Berakas BB3510 mulai **16 September 2021** hingga **29 September 2021** dan tarikh akhir penghantaran borang-borang permohonan selewat-lewatnya **28 Oktober 2021 sebelum 10.00 pagi**.

Waktu Penjualan Borang Permohonan Tapak

**ISNIN & RABU :
8.30 pagi – 10.30 pagi**

Borang-borang permohonan yang lengkap dengan dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon kepada :-

**UNIT PENGURUSAN TAPAK PERTANIAN
IBU PEJABAT JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
JALAN MUHIBBAH, LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Tel: 2388075/2388060

LAMPIRAN A

SPESIFIKASI TEKNIKAL

Tajuk Tawaran : **TAWARAN TAPAK BAGI MENJALANKAN PERUSAHAAN PERTANIAN KHUSUSNYA PERKHIDMATAN PENGERINGAN PADI**

Pemohon adalah dipelawa untuk menghadapkan kertas cadangan bagi mengendalikan perkhidmatan pengeringan padi dengan menggunakan teknologi tinggi/moden seperti keterangan berikut :

JENIS PERUSAHAAN

Untuk menjalankan perusahaan pertanian khususnya perkhidmatan pengeringan padi menggunakan teknologi tinggi/moden secara komersial.

LOKASI TAPAK YANG DITAWARKAN

Bangunan Maklumat, Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang, Kg. Rampayoh, Daerah Belait. Peta kedudukan kawasan adalah seperti yang dilampirkan.

KELUASAN KAWASAN

Keluasan tidak melebihi 0.3 hektar.

HURAIAN KAWASAN

Kawasan mengandungi 4 buah bangunan iaitu bangunan jenis ‘open air’, bangunan pejabat, bekas stor Majlis Perundingan Mukim Labi dan bangunan tandas. Sebahagian tapak iaitu pada jalan utama serta sekitar bangunan-bangunan tersebut telah disimen.

KEMUDAHAN ASAS YANG ADA

- 1) Bangunan jenis ‘open air’
- 2) Bangunan tertutup mengandungi 2 bilik pejabat dan 1 bilik dapur
- 3) Bangunan Tandas mengandungi 2 tandas perempuan dan 2 tandas lelaki
- 4) Bekalan elektrik
- 5) Bekalan air domestik

PERHATIAN :

Semua Pemohon dan/atau wakilnya adalah dikehendaki menghubungi pegawai-pegawai projek iaitu **Nurul Maz Juhairah binti Manjul / Awang Zaini bin Aman** di Unit Kemajuan Pertanian Daerah Belait melalui talian 8957791 atau 8993796 atau **Sheikh Mohamad Radzi bin Dato Paduka Haji Sheikh Adnan** di Unit Kemajuan Industri Padi **di talian 2388075** bagi mendapatkan keterangan lanjut tawaran serta membuat lawatan ke **Bangunan Maklumat, Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang, Labi Daerah Belait.**

Pemohon juga adalah diperlukan untuk mencadangkan jumlah bayaran sewa sebulan bagi penyewaan tapak tersebut di dalam borang permohonan tapak.

LAMPIRAN B

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN MENGGUNAKAN KAWASAN

1. Pemohon atau Syarikat dikehendaki untuk menghadapkan cadangan rancangan pembangunan perniagaan (pelan bisnes) termasuk konsep, pelan susun atur ladang (*layout plan*), Aliran Wang Tunai (*Cash Flow*) ke atas tapak yang ditawarkan termasuk kemudahan-kemudahan pelan bagi setiap fasa pembangunan.
2. Pemohon atau Syarikat adalah dimestikan untuk memohon kebenaran serta memaklumkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja pembinaan atau pengubahsuaian bangunan atau kemudahan dilaksanakan.
3. Pemohon atau Syarikat tidak dibenarkan menggunakan/mengusahakan kawasan di luar dari kawasan yang ditawarkan;
4. Segala perbelanjaan atau pembayaran bagi pemasangan/penyambungan bekalan api eletrik (**pre-paid electric meter**), **meter air dan telefon** adalah ditanggung oleh pemohon atau Syarikat;
5. Pemohon atau Syarikat adalah bertanggungjawab mengawal dan memastikan pekerja-pekerja syarikat hanya berada di kawasan yang diberi kebenaran.
6. Pemohon atau Syarikat adalah bertanggungjawab untuk membaikpulih segala kerosakan yang berlaku ke atas mana-mana kawasan atau kemudahan infrastruktur yang terjejas semasa perusahaan ini sedang dan sesudah dijalankan;
7. Pemohon atau Syarikat hendaklah sentiasa menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pemeliharaan (*maintenance*) samada di dalam *atau* di sekitar kawasan/tapak yang ditawarkan seperti kawasan lapang, pagar, longkang, jalan ladang agar kawasan/tapak yang diusahakan sentiasa dalam keadaan bersih, teratur, sempurna dan selamat;
8. Pemohon atau Syarikat hendaklah membenarkan mana-mana pakar/pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk membuat lawatan dan pemantauan ladang dari masa ke semasa;
9. Pemohon atau Syarikat hendaklah membenarkan mana-mana pakar/pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk menggunakan pejabat di **Bangunan Maklumat, Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang, Labi Daerah Belait** untuk mengadakan perjumpaan /kursus dari masa ke semasa.

10. Pemohon atau Syarikat yang berjaya adalah dikehendaki untuk menyampaikan taklimat atau penerangan lanjut mengenai dengan pelan pembangunan kawasan secara menyeluruh di tapak yang ditawarkan. Ini termasuklah struktur organisasi pemohon atau syarikat, pelan perniagaan, kepakaran dan kemahiran dan surat permohonan termasuk pelan fasa pembangunan kawasan serta perancangan penyediaan perkhidmatan pengeringan kepada pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

LAMPIRAN C

PENGESAHAN PEGAWAI/PENGAWAS PROJEK (Bahagian ini hendaklah diisi oleh Pegawai/Pengawas Projek)

Dengan ini adalah disahkan bahawa:

Nama Pemohon: _____

Nama Syarikat: _____

telah berjumpa dan membuat lawatan pada _____

di KKP _____.

Sekian, terima kasih.

(Tandatangan Pegawai/Pengawas Projek)

Nama : _____

Tarikh : _____

**Peta lokasi Bangunan Maklumat, Projek Penanaman Padi Lot Sengkuang,
Kg. Rampayoh, Mukim Labi, Daerah Belait**



Nota: A – Bangunan ‘Open Air’; B – Bangunan Pejabat; C-Tandas; dan D- Bekas Stor MPM Labi

Bayaran	:	\$1.00
No. Resit	:	



BORANG PERMOHONAN TAPAK PERTANIAN JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN

Syarat Permohonan:

1. Pemohon mestilah mempunyai Sijil Pendaftaran Perniagaan, atau Sijil Sendirian Berhad atau Sijil Pendaftaran Koperasi dan berdaftar di Negara Brunei Darussalam;
2. Pemohon yang terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran bertulis daripada Jabatan Perdana Menteri;
3. Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hal ehwal pengurusan projek, kakitangan, pentadbiran dan kewangan dalam bidang pertanian;
4. Mempunyai pengalaman dan latihan dalam bidang pertanian atau mempunyai pekerja pakar dalam bidang pertanian;
5. Permohonan dihadapkan kepada Pengarah Pertanian dan Agrimakanan dengan menyertakan perkara berikut:-
 - a. Bagi Nama Perniagaan (pemilik tunggal atau perkongsian):
 - i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Pemohon dan rakan kongsi perniagaan;
 - ii. Salinan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan (Penggali 92) dan hendaklah mengandungi kegiatan pertanian;
 - iii. Keterangan Pemegang Saham perniagaan dan peratus pemegang saham;
 - iv. Keterangan perniagaan lain yang dijalankan masa ini sebagai pemilik, rakan kongsi atau pemegang saham;
 - v. Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi perniagaan, termasuk maklumat peribadi pemilik dan rakan kongsi perniagaan (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll.);
 - b. Bagi Koperasi:
 - i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Ahli-Ahli Lembaga Koperasi;
 - ii. Salinan Pendaftaran Koperasi di bawah Akta Koperasi (Penggali 84);
 - iii. Keterangan Ahli-Ahli Lembaga Koperasi;
 - iv. Salinan Peraturan-Peraturan Koperasi (By-Laws);
 - v. Salinan penyata kewangan terkini yang diaudit (audited financial statement);
 - c. Bagi Syarikat (Sendirian Berhad dan Berhad):
 - i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Pengarah-Pengarah Syarikat;
 - ii. Salinan Pendaftaran Syarikat di bawah Akta Syarikat (Penggali 39);
 - iii. Salinan Form X – Particulars of Directors or Managers;
 - iv. Salinan Memorandum and Articles of Association;
 - v. Keterangan authorised capital dan paid up capital;
 - vi. Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi Syarikat, termasuk Maklumat peribadi Pengarah-Pengarah dan Pengurus Syarikat (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll.);
 - vii. Keterangan Syarikat Induk (Parent Company) dan syarikat-syarikat subsidiari (subsidiaries) jika berkenaan;
 - viii. Salinan penyata kewangan terkini yang diaudit (audited financial statement);
 - ix. Salinan Certificate of Tax Compliance dari Collector of Income Tax;
 - d. Pelan ladang projek yang dicadangkan;
 - e. Unjuran aliran tunai (10 tahun ke hadapan) projek yang dicadangkan;
 - f. Pelan pelaksanaan projek;
 - g. Pengakuan kewangan atau penyata bank (bank statement) dari pihak bank di Brunei Darussalam bagi menunjukkan kebolehan membiayai cadangan projek;
 - h. Maklumat mengenai kepakaran dan kemahiran pemilik/rakan kongsi/pemegang saham/pengurus/pekerja/penasihat syarikat dalam bidang perusahaan yang dipohonkan;
6. Setiap borang permohonan hendaklah dikembalikan dalam sampul surat yang tertutup dengan menyatakan tajuk dan bilangan iklan serta tarikh tutup tanpa menunjukkan identiti pemohon;
7. Borang yang tidak lengkap diisikan adalah dianggap gagal memenuhi syarat dan permohonan tidak akan diproses
8. Pemohon-pemohon yang tidak membuat lawatan ke tapak dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan, tidak mengisikan Lampiran C adalah dikira gagal memenuhi syarat dan permohonan tidak akan diproses; dan
9. Borang permohonan yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

KETERANGAN IKLAN		
Bilangan Iklan: 04/2021		
Tarikh Mula Iklan	: 16 Sept., 2021 hingga 29 Sept., 2021	Setiap Isnin & Rabu 8:30am – 10:30am
Tarikh Tutup Iklan	: Khamis 28 Oktober 2021	Sebelum 10:00 pagi

Tatacara Permohonan:

Borang yang lengkap diisi bersama dokumen-dokumen yang dikehendaki hendaklah dihadapkan kepada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dan dialamatkan seperti berikut:-
 Pengarah Pertanian dan Agrimakanan
 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
 Jalan Muhibbah, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Brunei Darussalam

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Pengurusan Tapak Pertanian
 Jabatan Pertanian dan Agrimakanan
 Jalan Muhibbah, Berakas
 Bandar Seri Begawan, BB3510
 Brunei Darussalam



+673 2388060



kkp@agriculture.gov.bn atau ukkp1010@gmail.com

BORANG PERMOHONAN TAPAK PERTANIAN

1. KETERANGAN PEMOHON										ULASAN	
a) Nama pemohon	:										
b) Nama Perniagaan	:										
c) No. Pendaftaran Perniagaan	:										
d) No. Pendaftaran Ladang Jabatan	:										
e) Alamat Persuratan Perniagaan	:										
f) No. Telefon	:										
g) Emel Perniagaan	:										
h) Jenis/Bidang Perniagaan	:										
i) Butiran Pemegang Saham	Nama		Warganegara		No IC & Warna /Pasport		% Pemegang Saham				
	1.										
	2.										
	3.										
	4.										
	5.										
j) Butiran Pemilik/ Pengarah/Ahli Lembaga Koperasi	Nama		Warganegara		No IC & Warna /Pasport						
	1.										
	2.										
	3.										
	4.										
	5.										
k) Butiran Modal Saham (jika berkenaan)		Modal Dibenarkan: \$ Modal Dibayar: \$									
l) Syarikat Induk/ Syarikat Subsidiari (jika ada)		:									
2. PENGALAMAN											
a) Mempunyai ladang/tapak pertanian yang sedang diusahakan (sila ✓)			Ya				Tidak				
Jika ya,											
I. Jenis kegiatan		:									
II. Lama Bergiat (sila ✓)		Kurang 5 tahun		5 – 10 tahun		Melebihi 10 tahun					
III. Keluasan tapak		: hektar atau ekar									

2. PENGALAMAN									
IV. Syarat tanah (sila $\sqrt{}$)		Gazet		LTS		EDR		Lain-lain	
V. Alamat ladang		:							
VI. Hasil keluaran		Tahun	Keluaran (kg)			Nilai Keluaran (\$)			
		2018							
		2019							
		2020							
b) Pengalaman perniagaan selain pertanian (sila $\sqrt{}$)					Ya		Tidak		
Jika ya,									
I. Jenis kegiatan		:							
II. Lama Bergiat (sila $\sqrt{}$)		Kurang 5 tahun		5 – 10 tahun		Melebihi 10 tahun			
III. Alamat perniagaan		:							
3. KEPAKARAN									
a) Butiran Tenaga Kerja yang ada masa ini (sila lampirkan tambahan jika perlu)		Nama		Jawatan		Kelulusan / Pengalaman		Warganegara	
		1.							
		2.							
		3.							
b) Perancangan pengambilan tenaga kerja (sila $\sqrt{}$)					Ya		Tidak		
Jika ya,									
I. Butiran Tenaga Kerja yang akan diambil (sila lampirkan tambahan jika perlu)		Jawatan		Gaji		Kelulusan		Tempatan / Luar Negara	
4. KEWANGAN									
a) Sumber kewangan (sila lampirkan bukti kewangan)		Sumber				Jumlah (BND\$)			
		1. Pinjaman bank							
		2. Sendiri/Perniagaan							
		3. Usahasama (joint venture)							
		4. Lain-lain							
b) Anggaran pelaburan (sila lampirkan unjuran kewangan/cash flow bagi tempoh 10 tahun)		Kos				Nilai (BND\$)			
		Kos Tetap (CAPEX)							
		Kos Operasi (OPEX)							
		Anggaran purata pendapatan (average revenue)							
		Anggaran purata keuntungan bersih (average net profit)							
		Breakeven				Tahun ke:			
		IRR				%			
5. PENGELUARAN									
a) Jenis/varieti yang dikeluarkan		:							
b) Jenis teknologi		:							
c) Sasaran pengeluaran hasil setahun (kg)		:							

6. PEMASARAN					
a) Mempunyai saluran pasaran domestik / eksport (sila ✓)	Ya		Tidak		
Jika ya, (sila lampirkan bukti perjanjian)					
I. Tempat pasaran	:				
II. Tempoh kontrak	:				
III. Jumlah hasil dipasarkan	:				
b) Perancangan pasaran eksport (sila ✓)	Ya		Tidak		
Jika ya, (sila lampirkan surat berkenaan)					
I. Negara sasaran eksport	:				
II. Jumlah hasil sasaran dipasarkan	:				
7. KONTRAK PERJANJIAN PENYEWAAN TAPAK KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP) (jika berkenaan)					
a) Kontrak Perjanjian Penyewaan masih sah (sila ✓)	Ya		Tidak		
b) Tiada tunggakan sewa (sila ✓)	Ya		Tidak		
c) Penggunaan ladang melebihi 85% (sila ✓)	Ya		Tidak		
8. KETERANGAN TAPAK KAWASAN KEMAJUAN PERTANIAN (KKP) (jika ada)					
a) Daerah	: Dearah Belait				
b) Kawasan Kemajuan Pertanian	: KKP Lot Sengkuang, Kg Rampayoh				
c) Keluasan	: 0.3 Hektar				
9. CADANGAN SEWA (sila pilih satu)					
a) Tahunan	:				
b) Bulanan	:				

PENGAKUAN PEMOHON

Saya, _____ (nama), dengan ini mengaku bahawa semua keterangan yang diberikan adalah benar.

Bersama ini, disertakan dokumen-dokumen di bawah bagi penilaian pihak Jabatan Pertanian dan Agrimakanan:-

SENARAI SEMAK:

Bil	Perkara	Disertakan	Kegunaan Pejabat
a)	Bagi Nama Perniagaan (pemilik tunggal atau perkongsian): i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Pemohon dan rakan kongsi perniagaan; ii. Salinan Pendaftaran Perniagaan di bawah Akta Nama-Nama Perniagaan (Penggag 92) dan hendaklah mengandungi kegiatan pertanian; iii. Keterangan Pemegang Saham perniagaan dan peratus pemegang saham; iv. Keterangan perniagaan lain yang dijalankan masa ini sebagai pemilik, rakan kongsi atau pemegang saham; v. Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi perniagaan, termasuk maklumat peribadi pemilik dan rakan kongsi perniagaan (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll.);		
b)	Bagi Koperasi: i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Ahli-Ahli Lembaga Koperasi; ii. Salinan Pendaftaran Koperasi di bawah Akta Koperasi (Penggag 84); iii. Keterangan Ahli-Ahli Lembaga Koperasi; iv. Salinan Peraturan-Peraturan Koperasi (By-Laws); v. Salinan penyata kewangan terkini yang diaudit (audited financial statement);		
c)	Bagi Syarikat (Sendirian Berhad dan Berhad): i. Salinan Kad Pengenalan berwarna Pengarah-Pengarah Syarikat; ii. Salinan Pendaftaran Syarikat di bawah Akta Syarikat (Penggag 39); iii. Salinan Form X – Particulars of Directors or Managers; iv. Salinan Memorandum and Articles of Association; v. Keterangan authorised capital dan paid up capital; vi. Struktur Organisasi Pengurusan dan Operasi Syarikat, termasuk Maklumat peribadi Pengarah-Pengarah dan Pengurus Syarikat (curriculum vitae - kelayakan akademik, pengalaman, kemahiran dll.); vii. Keterangan Syarikat Induk (Parent Company) dan syarikat-syarikat subsidiari (subsidiaries) jika berkenaan; viii. Salinan penyata kewangan terkini yang diaudit (audited financial statement); ix. Salinan Sijil Pemuatan Cukai (Certificate of Tax Compliance);		
d)	Pelan ladang projek yang dicadangkan;		
e)	Unjuran aliran tunai (10 tahun ke hadapan) projek yang dicadangkan;		
f)	Pelan pelaksanaan projek;		
g)	Pengakuan kewangan atau penyata bank (bank statement) dari pihak bank di Brunei Darussalam bagi menunjukkan kebolehan membiayai cadangan projek; dan		
h)	Maklumat mengenai kepakaran dan kemahiran pemilik/rakan kongsi/pemegang saham/pengurus/pekerja/penasihat syarikat dalam bidang perusahaan yang dipohonkan.		
i)	Lampiran C: Pengesahan Lawatan Tapak dari Pegawai/Pengawas Projek		

Nama:

Jawatan:

Nombor IC:

Telefon:

Emel:

Tarikh: